

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, October 14, 2018 10:34 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dato' Prof Dr Sudin Haron Dilantik Sebagai Pengerusi LPU UUM Baharu



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

14 OKTOBER 2018 / 5 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media

DATO' PROF DR SUDIN HARON DILANTIK SEBAGAI PENERUS LPU UUM BAHARU



UUM ONLINE: Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wakaf Malaysia, Dato' Prof Dr Sudin Haron telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UUM baharu berkuat kuasa 1 Oktober 2018 hingga 30 September 2021.

Pelantikan beliau telah dibuat Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.


Dato' Prof Dr Sudin adalah bekas Profesor UUM yang merupakan antara perintis awal universiti ini.

Antara jawatan penting yang pernah disandang beliau di UUM ialah Dekan Sekolah Pengurusan, Dekan Sekolah Kewangan dan Perbankan, Pengarah Institut Pembangunan Keusahawanan (IPK) dan Pengarah Pusat Penyelidikan.

Di peringkat nasional, beliau adalah bekas Pengarah Bebas di CIMB Islamic Berhad dan juga Ahli Jawatankuasa Kumpulan Syariah, selain pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Naib Canselor dan seluruh warga UUM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau dan berharap dengan pelantikan itu akan dapat memacu UUM ke arah yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

YB Menteri Pendidikan Malaysia dan UUM juga menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir atas perkhidmatan cemerlang beliau sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UUM sejak 1 Jun 2016 dan berakhir 30 September lalu.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.